



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di **Majlis Daerah Kota Tinggi**.

BIL	JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GREED	STATUS	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)
1.	Pegawai Penilaian	Pengurusan Dan Profesional	W41	Tetap	1	RM2,094.00 – RM9,585.00
2.	Penolong Jurutera	Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	JA29	Tetap	1	RM1,549.00 – RM5,701.00
3.	Penolong Pegawai Penilaian	Pelaksana	W29	Tetap	1	RM1,498.00 – RM5,678.00

JAWATAN 1 : PEGAWAI PENILAIAN, GREED W41

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pegawai Penilaian
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
(d) Gred Jawatan : W41
2. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : RM2,508.29.
3. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
4. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penilaian Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
 - (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 2(c); atau
(ii) Lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - (b) Had umur pelantikan :
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5. Penetapan Gaji Permulaan : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
6. Tempoh Percubaan : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
7. Latihan : Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Program Transformasi Minda/Peperiksaan : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
9. Pengesahan Dalam Perkhidmatan : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
- (a) Memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) Hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
10. Pergerakan Gaji Tahunan : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
11. Pemberian Elaun Dan Kemudahan :
- (i) Imbuhan Tetap Perumahan
 - (ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
 - (iii) Bantuan Sara Hidup

JAWATAN 2 : PENOLONG JURUTERA, GRED JA29

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam/Penolong Jurutera)
 (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
 (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
 (d) Gred Jawatan : JA29
2. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) Warganegara Malaysia
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02)
3. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
4. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penguasa Bekalan Air, Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AM26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke Jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) Had umur pelantikan :
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
5. Penetapan Gaji Permulaan : Gaji Permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred JA29 lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
6. Tempoh Percubaan : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
7. Latihan : Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Program Transformasi Minda/Peperiksaan. : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
9. Pengesahan Dalam Perkhidmatan : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :
- (a) Memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
10. Pergerakan Gaji Tahunan : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
11. Pemberian Elaun dan Kemudahan
- (i) Imbuhan Tetap Perumahan
 - (ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
 - (iii) Bantuan Sara Hidup

JAWATAN 3 : PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN, GRED W29

1. (a) Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Penilaian
 (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
 (d) Gred Jawatan : W29
2. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) Warganegara Malaysia
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - (iii) Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,851.28)

3. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan)
4. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian, Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 2(C); atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur pelantikan :
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
5. Penetapan Gaji Permulaan : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
6. Tempoh Percubaan : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
7. Latihan : Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Program Transformasi Minda/Peperiksaan : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
9. Pengesahan Dalam Perkhidmatan : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
- (a) Memenuhi tempoh percubaan.
 - (b) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) Diperakui oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
10. Pergerakan Gaji Tahunan : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
11. Pemberian Elaun Dan Kemudahan : (i) Imbuan Tetap Perumahan.
(ii) Imbuan Tetap Khidmat Awam.
(iii) Bantuan Sara Hidup.
- Cara Membuat Permohonan :-** : (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor pada waktu pejabat dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskah atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkt.gov.my dan bayaran borang permohonan hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos. Semua permohonan hendaklah disertakan :-
- (i) Salinan Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Kelahiran.
 - (ii) Salinan Sijil-Sijil Akademik.
 - (iii) Salinan Sijil Berhenti Sekolah.
 - (iv) Salinan Lesen Memandu.
 - (v) Gambar Warna Berukuran Passport.

- (vi) Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah); dan Surat/dokumen-dikumen berkaitan jika ada, serta dialamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
JALAN PADANG
81900 KOTA TINGGI**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 JULAI 2021 (KHAMIS)

- (b) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 di bawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) yang perlu dibawa semasa temuduga.
- (c) Hanya calon yang layak untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
- (d) Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.
- (e) **Pemohon hendaklah menyediakan 'Video Resume' sebagaimana Lampiran A.**

**Permohonan Yang Akan
Ditolak**

- :
- (a) Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak ditandatangani.
- (b) Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
- (c) Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan.
- (d) Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
- (e) Pemohon tidak memenuhi/tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.
- (f) Tidak menyertakan gambar passport berwarna.

MOHD FAHMY BIN YAHYA
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 05 Julai 2021



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN 'VIDEO RESUME' BAGI PERMOHONAN JAWATAN TETAP DAN KONTRAK GRED 29 DAN KE ATAS

- a) 'Video resume' yang disediakan hendaklah berdurasi tidak kurang dari 3 minit.
- b) Video tersebut hendaklah menggunakan suara pemohon sebenar.
- c) Kandungan video tersebut hendaklah merangkumi sebahagian besar perkara-perkara di bawah :-
 - (i) Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
 - (ii) Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.
 - (iii) Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
 - (iv) Pekerjaan / aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
 - (v) Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon.
 - (vi) Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon.
 - (vii) Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'
 - (viii) Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
 - (ix) Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
 - (x) Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon.
- d) Pemohon digalakkan menghasilkan ' video resume' yang unik dan kreatif.
- e) Semua 'video resume' hendaklah dihantar melalui email kepada Urusetia di alamat mdkt@mdkt.gov.my